

23/01/1999

Jayakumar tidak patut melatah

"IA mesti dalam bentuk 'menang-menang'," kata Perdana Menteri, Goh Chok Tong, kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dua hala dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Hanoi, 17 Disember lalu. Walaupun menyatakan pakej khas yang bakal mengandungi pelbagai isu kontroversi menggugat hubungan kedua-dua negara itu adalah idea Dr Mahathir, Goh menyatakan beliau bersetuju dengan cadangan berkenaan dan kedua-duanya menyerahkan tugas untuk merumuskan butiran lengkap pakej berkenaan kepada peringkat pegawai. Pada kita jika keputusan peringkat tertinggi dicapai, tidak ada masalah berbangkit yang mungkin timbul.

Bagaimanapun, baru sebulan usia persetujuan itu, Singapura sekali lagi mengocakkan ketenangan dan keharmonian yang dikecapi kedua-dua negara apabila Menteri Luarnya, S Jayakumar, tidak semena-mena memberi tempoh sebulan kepada Malaysia untuk mengemukakan hujah perundangan mengenai keengganan negara ini memindahkan pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantinnya (KIK) yang kini beroperasi di Stesen Keretapi Tanjong Pagar. Mungkin Jayakumar tidak mempunyai pilihan apabila ditanya di Parlimen republik itu, tetapi tempoh sebulan yang diberikan kepada Malaysia amat memeranjatkan kerana KIK adalah antara isu yang berada dalam senarai pakej khas yang belum pun lagi dibincangkan oleh kedua-dua pihak. Persoalannya, apakah beliau tidak menyedari hasil rundingan antara Dr Mahathir dan Goh.

Dalam pertemuan dua hala di Hanoi itu, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak memerlukan bantuan kewangan bernilai AS\$4 bilion dari Singapura untuk membantunya menangani kegawatan ekonomi, sebaliknya mencadangkan satu pakej penyelesaian kepada pelbagai isu yang dihadapi kedua-dua negara.

Perdana Menteri berkata, apa yang dikehendaki Malaysia ialah menyelesaikan semua isu membabitkan hubungan tegang antara kedua-dua negara - KIK, penggunaan ruang udara Malaysia bagi pesawat republik itu, Skim Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF) dan pasaran tidak rasmi Clob International (Clob) - ditukar dengan lanjutan perjanjian bekalan air selepas 2061.

"Tidak ada guna kita menyelesaikan satu isu, kemudian timbul satu isu lagi. Jadi adalah lebih baik jika kita menyelesaikan semua masalah ini sekali gus," kata Dr Mahathir.

Goh bersetuju dengan cadangan itu tetapi menegaskan sebarang perjanjian mesti berbentuk 'menang-menang' yang mana semua pihak berpuas hati. Berikutan itu adalah sukar untuk difahami mengapa persetujuan mudah seperti ini tidak dapat diterima oleh beberapa pihak di republik itu.

Jayakumar sudah pasti mempunyai alasan terbaik apabila memberikan tempoh sebulan kepada Malaysia untuk mengemukakan hujah dari segi perundangan, dan membuat pula kenyataan itu ketika semua pemimpin negara ini bercuti bagi meraikan Aidilfitri.

Dan yang lebih menarik ia dilakukan ketika Menteri Luar Malaysia yang baru, Datuk Syed Hamid Albar, menggantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, bukan saja belum lagi mendalami pelbagai isu terbabit, malah belum lagi memasuki pejabatnya.

Walau apapun alasan di sebalik tindakan Jayakumar itu, Singapura ternyata sukar untuk menghormati pandangan dan keikhlasan Malaysia yang ingin mencari penyelesaian melalui perbincangan, bukannya bertegang urat melalui media masa.

Semangat setiakawan dan toleransi yang ditunjukkan pada peringkat

pemimpin tertinggi kedua-dua negara, gagal dihayati dan dipatuhi Jayakumar.

Tetapi Jayakumar bernasib baik, sikap penuh diplomasi yang dimiliki Abdullah, ternyata turut diwarisi Syed Hamid, tidak mahu terburu-buru membidas kenyataan yang langsung tidak menghormati semangat setiakawan dan Asean yang sepatutnya menjadi pegangan negara-negara di rantau ini.

Seperti kata Syed Hamid, Stesen Keretapi Tanjong Pagar adalah milik Malaysia dan KIK di sana sudah beroperasi sejak zaman British lagi. Pemeriksaan KIK hanya satu prosedur.

Apalah gunanya petugas Malaysia memindahkan operasi dari pejabat yang selesa di Tanjong Pagar, kepada operasi yang hanya dilengkapi dengan sebuah kerusi dan meja di Woodlands.

Seperti kata Syed Hamid, Malaysia bukan tidak menghormati undang-undang Singapura, tetapi satu perjanjian yang lebih baik diperlukan bagi memuaskan hati semua pihak. Ia mesti dalam bentuk 'menang-menang'.

(END)